

PM terharu sokongan padu rakyat Kelantan

Abdullah anggap pembakar semangat untuk tadbir negara

Oleh Wan Faizal Ismayatim

KOTA BHARU: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, sokongan padu yang diberikan rakyat kepadanya menjadi pembakar semangat untuk beliau terus melaksanakan setiap agenda pembangunan negara.

Perdana Menteri berkata, sokongan seperti ditunjukkan rakyat Kelantan disifatkan sebagai penghargaan terhadapnya sebagai pemimpin dan persetujuan bagi keputusan diambilnya untuk kepentingan negara.

"Saya tak sangka diberikan sambutan begini mesra dari bersemangat. Sudah 30 tahun saya dalam politik dan beberapa kali datang ke Kelantan tetapi sambutan kali ini cukup meriah.

"Sambutan ini menunjukkan sokongan kuat tuan-tuan kepada saya. Saya berjanji untuk bekerja bersama tuan-tuan. Kita akan bekerja bersama-sama. Dah lama rakyat Kelantan menunggu masa melihat perubahan," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap kepada lebih 5,000 orang yang menyambut ketibaannya untuk lawatan dua hari ke Kelantan, di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, di sini, pagi semalam.

Antara yang hadir Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Seri Annuar Musa; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed dan Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Awang Adek Hussin.

Ketibaan Perdana Menteri pada kira-kira jam 9.30 pagi itu turut di-

sambut tepukan gemuruh dan laungan 'Hidup Pak Lah' oleh rakyat pelbagai masyarakat yang menunggu di lapangan terbang itu seawal jam 8 pagi lagi.

Abdullah berkata, kekuatan sokongan rakyat itu akan digunakan sepenuhnya untuk melaksanakan segala perancangan yang dibuat sebelum ini tanpa mengabaikan Kelantan, walaupun ia tidak diterajui Barisan Nasional (BN).

Dalam ucapan ringkasnya itu, Abdullah mengingatkan rakyat Kelantan bermuafakat dalam perjuangan Umno dan bekerjasama dengan pemimpin pada pelbagai peringkat bagi memastikan kejayaan dapat dicapai.

"Kita mesti bermuafakat dalam satu perjuangan. Bekerjasama membawa berkat, sepakat menjadikan ki-

ta lebih kuat dan kekuatan perlu dibina daripada semua peringkat dari bawah sehingga ke atas.

"Tiada lagi cara untuk membuat perubahan melainkan dengan iltizam dan beri kerjasama serta sokongan kepada semua pimpinan (parti). Dengan sokongan ini kita akan berjaya," katanya.

Perdana Menteri turut mengulangi kata-katanya ketika mula-mula menerajui kepemimpinan negara dengan meminta rakyat Kelantan supaya bekerja bersama-sama dan bukannya untuknya.

"Sekali lagi saya minta bekerjalah bukan untuk saya, bekerjalah untuk rakyat dan negara. Sambutan ini (kedatangan ke Kelantan) saya anggap kekuatan sokongan dari rakyat Kelantan," katanya.